



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan - Pengerusi Kraftangan Malaysia - Sensitif Seorang Penulis - Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar - Senario Pilihanraya 1982 - Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan - Dilipat Sebesar Kuku - Senario Alaf Baru	

Kerusi Menteri Besar



"SEPATUTNYA kau jadi Menteri Besar, tapi den yang tak mahu. Tun Razak dah tunjukkan nama kau pada den," spontan Tuanku Munawir (Almarhom) memberitahu sebaik sahaja Tan Sri A Samad dijemput menghadap ke Istana Hinggap di Seremban, enam bulan selepas pilihanraya umum 1964. Baginda mengundang khas Tan Sri A Samad ke istana bagi memberitahu rasa terkilan terhadap kerajaan negeri yang menolak beberapa permintaan pihak istana.

Ketika itu Tuanku Munawir merupakan Yang di-Pertuan Besar, sementara Tan Sri A Samad ialah Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan. Sewaktu membuat pengakuan baginda menolak cadangan kerajaan Pusat mahu melantik Tan Sri A Samad menjadi Menteri Besar, baginda dalam keadaan berdiri apabila menyatakan rasa terkilan dengan tindakan kerajaan negeri pimpinan Dr Mohd Said (Allahyarham, Tan Sri). Cara baginda bertutur pun masih sama dengan gaya baginda berkawan dengan Tan Sri A Samad ketika sama-sama bermain bola dalam usia kanak-kanak di padang pekan Seri Menanti.

"Memang kau sepatutnya jadi Menteri Besar dulu, kalau den tahu macam ni, siang-siang lagi den terima kau," titah baginda dalam loghat kampung di Seri Menanti. "Itulah tuanku, kalau patik jadi Menteri Besar, tentu senang kita berunding," sahut Tan Sri A Samad tidak menyangka nama beliau sudah dicadangkan oleh kerajaan Pusat sewaktu Tun Razak menghadap ke Istana Hinggap di Seremban. Tetapi baginda menolak cadangan tersebut, setelah Umno Seremban berkeras mempertahankan Dr Mohd Said.

Sebelum pilihanraya umum 1964, kemelut jawatan Menteri Besar sudah bermula apabila kumpulan yang diketuai oleh Haji Redza bin Haji Mohd Said, mahukan Muhammad bin Ujang memimpin kerajaan negeri. Muhammad merupakan Ahli Parlimen Jelebu-Jempol selepas pilihanraya 1959, tetapi tidak mendapat restu daripada kerajaan

Pusat. Disebabkan calon mereka tidak popular di peringkat Pusat, Umno Seremban memberi sokongan kepada Dr Mohd Said. Mereka menggunakan pengaruh istana dalam usaha menyekat peluang Tan Sri A Samad menduduki kerusi Menteri Besar.

“Tak apalah Mat, tahun 1969 nanti, den sokong kau jadi Menteri Besar,” titah baginda Tuanku Munawir sebelum mengambil tempat duduk. Tan Sri A Samad tidak menyahut, namun beliau menyedari kesilapan Dr Mohd Said ialah tidak dapat berkomunikasi dengan baik ketika menyampaikan keputusan Exco kepada pihak istana. Beberapa permintaan istana telah ditolak oleh Exco berdasarkan kedudukan mereka adalah sebagai ‘wakil rakyat’ dan bukan ‘wakil raja’. Butir-butir yang terkandung dalam keputusan Exco itu disampaikan bulat-bulat oleh Dr Mohd Said menyebabkan baginda tersinggung apabila ahli-ahli Exco dianggap bukan ‘wakil raja’.

Bagaimanapun hasrat baginda mahu memberi sokongan kepada perlantikan Tan Sri A Samad menjadi Menteri Besar selepas pilihanraya 1969 tidak berkesampaian, apabila baginda mangkat pada 14 April 1967. Senario politik juga boleh berubah berikutan dengan kemangkatan raja yang berada di atas takhta, kerana *‘sekali air bah, sekali pasir berubah; sekali raja mangkat, sekali resam bertukar’*. Sebenarnya sebelum pilihanraya 1964, Tun Razak sendiri sudah membayangkan kepada Tan Sri A Samad mengenai peluangnya untuk dilantik menjadi Menteri Besar.

Sekali pun selepas pilihanraya 1959, Tun Razak menyedari peranan Tan Sri A Samad dalam usaha mendesak Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Mohd Idris Matsil menjadi Menteri Besar, tetapi kumpulan beliau segera akur dengan keputusan yang telah diambil oleh pucuk pimpinan Pusat. Tan Sri A Samad bersama kumpulannya terus memberi sokongan padu kepada kepimpinan Dr Mohd Said yang ditunjuk oleh pucuk pimpinan Pusat selaku Menteri Besar.

Tun Razak yang menjadi ketua biro politik dalam kepimpinan Pusat pula telah melantik Tan Sri A Samad menduduki jawatankuasa biro tersebut. Justeru hubungan Tan Sri A Samad dengan Tun Razak semakin akrab, malah pemimpin itu lebih suka Tan Sri A Samad memanggilnya ‘abang’ daripada ‘Tun’ seperti kebiasaan ahli-ahli Umno yang lain. Dalam senarai pemilihan calon-calon Umno di Negeri Sembilan bagi pilihanraya, Tun Razak lebih banyak merujuk kepada pandangan Tan Sri A Samad.

Misalnya, ketika pilihanraya kecil Rembau-Tampin dalam tahun 1972 berikutan kematian ahli Parlimennya, Dr Sulaiman bin Atas, berlaku juga kekecohan dalam pemilihan calon. Pihak Pusat berura-ura mahu meletakkan Sulaiman Alias seorang peguam di Kuala Lumpur sebagai calon, tetapi mendapat tentangan dari majoriti cawangan Umno dalam bahagian Rembau-Tampin yang dipimpin oleh Dato' Taha Talib (Allahyarham). Disebabkan Tun Razak kecewa dengan pergolakan tersebut, beliau memberi tempoh 24 jam kepada Tan Sri A Samad menyelesaikan masalah calon dalam pilihanraya kecil tersebut.

"Tun mahukan calon yang berkelayakan, seorang graduan dan anak tempatan dalam tempoh 24 jam, besok saya akan turun ke Tampin," beritahu Tan Sri A Samad ketika menghubungi Dato' Taha. "Kami sudah ada calon tersebut, asal sahaja pihak Pusat setuju, cukuplah," Dato' Taha menjelaskan. Seterusnya Tan Sri A Samad meminta dibayangkan calon berkenaan supaya Tun Razak boleh memberi pertimbangan apabila Dato' Taha tidak bersetuju dengan kemahuan pihak Pusat.

Calon yang disokong oleh Dato' Taha, merupakan anak tempatan di Rembau, seorang graduan berkelulusan BSc. dari Universiti Malaya, di samping aktif dalam Pergerakan Pemuda Umno di Morib, Selangor, berusia dalam lingkungan 27 tahun. Sebaik sahaja biodata calon itu dikemukakan kepada Tan Sri A Samad, beliau segera menghubungi Tun Razak mengenai kehendaki majoriti ahli Umno di bahagian Rembau-Tampin. Justeru Tun Razak tidak boleh menolak calon berkenaan, setelah ciri-ciri yang beliau kehendaki itu dapat dipenuhi oleh Dato' Taha.

Dalam pilihanraya kecil itulah muncul nama Dato' Mokhtar bin Hashim, setelah Dato' Taha menolak pencalonan Sulaiman bin Alias. Dato' Taha yang memimpin Umno bahagian Rembau-Tampin merupakan anak didik Tan Sri A Samad sendiri sebelum dipilih menjadi calon bagi DUN kawasan Tampin dalam pilihanraya umum 1959. Sebelum itu Dato' Taha merupakan seorang guru di Gemencih, tetapi berhadapan dengan masalah peribadi yang menyebabkan beliau terpaksa meletakkan jawatan.

Tan Sri A Samad memberi ruang kepada Dato' Taha mengendalikan 'Berita Negeri' akhbar kerajaan negeri bagi membolehkan beliau aktif dalam perjuangan Umno di Rembau-Tampin.

Dalam pilihanraya 1959, Dato' Taha dipilih bertanding bagi kerusi DUN Tampin, kemudiannya menang dengan mendapat 2,830 undi mengalahkan calon Sosialis Front, Chong Se Hock (873 undi) dan calon Pas, Abdul Manap bin Hussin (173). Sementara Tan Sri A Samad pula menang di DUN Seri Menanti setelah mendapat 2,965 undi dengan ditentang oleh calon Pas, Jaalam bin Othman (1,228 undi) dan calon Bebas, Raja Harun bin Raja Tachik (673 undi).

Isu calon Bebas dalam pilihanraya 1959 itu menjadi kesan kepada masyarakat di Negeri Sembilan melabelkan Tan Sri A Samad sebagai 'anti-raja'. Dalam kempen yang dijalankan oleh Tan Sri A Samad sepanjang pilihanraya 1959 itu memang tertumpu kepada kedudukan kerabat diraja. Beliau satu-satunya calon Umno di Negeri Sembilan yang membuat serangan terbuka kepada kerabat diraja dalam kempen pilihanraya tersebut, setelah calon Bebas itu sendiri mengeksploit kedudukannya sebagai rakyat biasa menentang seorang kerabat diraja.

Dengan melabelkan Tan Sri A Samad sebagai 'anti-raja', usaha Tun Razak mahu melantiknya menjadi Menteri Besar juga mendapat tentangan keras dari pihak istana. Isu Tan Sri A Samad dianggap 'anti-raja' itu dikaitkan juga dengan kemurkaan Tunku Besar Burhanuddin (ayahanda mertua Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Besar) terhadap beliau. Bagaimanapun Tun Razak sentiasa memberi perangsang kepadanya supaya tidak terburu-buru mengejar kedudukan menjadi Menteri Besar. "Tak apalah Mat, you masih muda lagi, kalau sudah ditentukan jawatan Menteri Besar you punya, takkan ke mana," kata Tun Razak mengingatkan beliau.

Genggam Bara Api

"Genggam bara api biar sampai jadi arang, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai," pepatah petiti orang tua-tua dahulu sentiasa menjadi pegangan Tan Sri A Samad dalam perjuangan politiknya. Selepas melalui pahit getir pada era awal perjuangan kemerdekaan melawan penjajah Inggeris, beliau berhadapan dengan kemelut politik di Negeri Sembilan selepas pilihanraya 1959. Malah bekas wartawan Utusan Melayu yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Hussain Yaacob menulis, Tan Sri A Samad adalah tokoh yang mencorakkan politik di Negeri Sembilan ketika itu.

Pergolakan di Negeri Sembilan ketika itulah dianggap oleh Tan Sri A Samad, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Beliau sudah memilih perjuangan politik sebagai kerjayanya, justeru segala gelora kemelut demikian perlu dihadapi dengan cecal. Seterusnya Tan Sri A Samad juga tidak lupa dengan hakikat politik: "Hari ini kawan, besok akan menjadi lawan; hari ini lawan, besok akan menjadi kawan." Kebanyakan lawan politiknya kembali menjadi kawan, sementara kawan politik pula bertukar menjadi lawan pada akhirnya.

Di antara kawan politiknya semasa era awal menentang penjajah ialah Abdul Majid bin Abdul Wahab (dikenali Lebai Majid), tetapi dalam pilihanraya 1964 kawannya itu telah menentang beliau di kawasan DUN Seri Menanti atas tiket Pas. Sebelum itu dalam pilihanraya 1959, Lebai Majid menentang calon Umno di Pilah, Dato' Mohd Idris Matsil. Dalam kedua-dua percubaan itu Lebai Majid gagal mencapai kemenangan, sekali pun beliau dianggap mempunyai pendidikan agama yang baik. Bagaimanapun Jaalam Othman yang menentang dalam pilihanraya 1959 atas tiket Pas, kemudian sekali lagi bertanding atas tiket SF tahun 1964, menjadi rakan baik serta penyokong kuatnya dalam pilihanraya 1969.

Tetapi di dalam beberapa kali pilihanraya, Tan Sri A Samad menyedari memang terdapat kawan-kawannya bertindak menikam dari belakang, sekali pun beliau berjaya melepasi rintangan tersebut. Kemenangan beliau banyak bergantung kepada sokongan anak-anak muda yang berdiri teguh di belakangnya sebagai Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan. Ketika itu kerabat diraja dari keturunan Yamtuan Beringin bernama Raja Khalid tidak senang dengan pemilihan Tan Sri A Samad sebagai calon Umno.

Raja Khalid telah membuat permuafakatan di kediaman Tunku Besar Burhanuddin bagi menentang Tan Sri A Samad apabila menjadi calon Umno dalam pilihanraya 1959 itu. Dalam muafakat tersebut golongan kerabat diraja dari Kampung Tengah (yakni bukan keturunan Yang di-Pertuan Besar yang menaiki takhta) telah menonjolkan Raja Harun bin Raja Tachik sebagai calon Bebas. Mereka menggunakan pengaruh kerabat diraja di Seri Menanti terutama Tunku Besar Burhanuddin dalam usaha menjatuhkan beliau.

"Pilihanraya ni ibarat main bola, kalau kita tidak *score* bola ke gol lawan, sudah tentu lawan yang akan *score* bola ke gol kita,"

beritahu Tan Sri A Samad kepada penyokong-penyokong Raja Harun yang disokong oleh Raja Khalid sebagai mesej kepada bekas ahli Umno itu. Raja Khalid merupakan ahli Umno, tetapi gagal menjadi Ketua Cawangan di kampungnya sendiri iaitu Kampung Tengah. Sementara itu golongan muda pula mendesak Tan Sri A Samad mengadakan rapat umum di padang Seri Menanti bagi melakukan serangan peribadi kepada calon Bebas yang bertindak demikian terlebih dahulu.

Ketika menyampaikan pidato berapi-api sebagai '*angry young man*' pada malam terakhir kempen pilihanraya tahun 1959, Tan Sri A Samad dianggap sebagai anti-raja. Bagi anak-anak muda yang menyokong kuat Tan Sri A Samad, serangan peribadi ke atas calon Bebas bukanlah anti-raja, tetapi tertumpu kepada individu yang berdiri di belakang calon berkenaan. Sikap beliau seolah-olah anti-raja inilah menyebabkan pihak istana memandang serong terhadapnya. Malah emaknya sendiri menasihatkan Tan Sri A Samad supaya tidak melanggar adat Melayu dengan menentang raja.

Sebenarnya dalam salasilah keturunan Tan Sri A Samad terdapat juga keluarganya yang semenda menyemenda dengan kerabat diraja. Malah bonda Tuanku Munawir (ketika itu merupakan Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, apabila ayahandanya Tuanku Abdul Rahman dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong selepas kemerdekaan tahun 1957), Tengku Maharom mempunyai pertalian keluarga dengan beliau. Sewaktu Tan Sri A Samad berkempen di padang Seri Menanti itu, Tengku Maharom ikut sama mendengar bersama orang ramai yang membanjiri padang tersebut.

Selepas kempen berakhir, rakan-rakannya memberitahu Tan Sri A Samad mengenai Tengku Maharom mengalirkan air mata sewaktu beliau membidas kalangan kerabat diraja yang menentang calon Umno, setelah Umno berjuang memulihkan semula kedaulatan raja-raja selepas tragedi 'Malayan Union'. Kecaman terbuka Tan Sri A Samad memang pedih untuk diterima oleh kerabat diraja, tetapi dalam senario politik ketika itu beliau terpaksa menggunakan segala kesempatan.

Bagaimanapun kesan pertentangan sengit dalam pilihanraya 1959 itu, Raja Khalid dikatakan menyimpan dendam terhadap beliau. Sekali pun Tan Sri A Samad beberapa kali cuba mengajaknya berbaik-baik semula, tetapi Raja Khalid tetap tidak mahu melupakan persengketaan yang berlaku berpunca daripada kemelut politik itu.

Hingga ke akhir hayatnya Raja Khalid tetap melahirkan rasa tidak senang dengan pencapaian Tan Sri A Samad sebagai pemimpin Umno di Seri Menanti. Malah kerabat diraja berterusan menjalankan kempen bagi menjatuhkan Tan Sri A Samad, termasuk dalam kepimpina di peringkat negeri.

Tentangan yang dihadapi oleh Tan Sri A Samad bukan dalam pilihanraya 1959 sahaja, malah di peringkat awal perjuangan politiknya kalangan kerabat diraja berusaha mahu menyingkirkannya. Ketika rumahnya digelidah polis pada 30 Jun 1948, memang beberapa orang kerabat diraja memainkan peranan, dengan membuat tohmahan beliau terbabit dengan parti politik puak kiri. Dalam bukunya '25 Tahun Merdeka' (Pustaka Budiman, Kuala Lumpur; 1982) beliau menulis:

"...Takdirnya saya ditangkap juga pada malam berkenaan, saya sudah cekalkan hati untuk menerimanya dengan tidak bertolak ansur. Saya tidak akan tunduk kepada kemahuan pihak penjajah Inggeris untuk menghalang niat saya terus berpolitik. Sekali kaki saya sudah terlangkah ke hadapan, saya tidak akan undur walau pun setapak. Inilah harapan yang membumbung tinggi dalam jiwa saya setelah menceburkan diri dalam gelanggang politik.

"Mungkin kerana umur saya ketika itu dalam lingkungan 22 tahun, ternyata darah muda terlalu panas mengalir dalam tubuh saya. Tidak ada satu apa pun yang saya takutkan hatta berhadapan dengan pegawai-pegawai Inggeris yang menggerunkan masyarakat Melayu waktu itu..."

Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussin

"Kalau kau lawan raja, nanti ditimpa daulat. Orang putih yang kena daulat raja pun pengsan ketika berdiri di tengah padang!" emak beliau bimbang apabila Tan Sri A Samad dikatakan dimurkai oleh Tunku Besar Burhanuddin. Kisah seorang pegawai kulit putih pengsan ketika berdiri di tengah padang dalam satu upacara perbarisan di hadapan istana menjadi buah mulut penduduk-penduduk kerana dianggap pegawai tersebut terkena daulat. Sekali pun Tan Sri A Samad memberi penjelasan pegawai kulit putih itu pengsan kerana pitam akibat berjemur di tengah panas, tetapi emaknya tidak mahu mempercayainya.

Penduduk-penduduk di Seri Menanti percaya pegawai kulit putih berkenaan terkena daulat, bukan disebabkan pitam setelah terlalu lama berdiri di bawah silau matahari. Kejadian tersebut berlaku semasa istiadat yang berlangsung di pekarangan istana dengan disaksikan oleh ramai penduduk-penduduk kampung. Emak Tan Sri A Samad menyaksikan sendiri perihal seorang pegawai kulit putih rebah, semasa istiadat berlangsung akibat pitam kerana terlalu lama berdiri di bawah panas matahari.

Kepercayaan mengenai 'daulat' itulah menyebabkan emak beliau mengingatkan supaya sentiasa bersikap menunduk terhadap kerabat di raja, sekali pun bukan dari kerabat dalam lingkungan istana. Berbeza dengan pendirian penduduk-penduduk kampung ketika itu, Tan Sri A Samad menyimpan cita-cita untuk menyelidiki susur galur kerabat diraja di Negeri Sembilan yang dikaitkan dengan 'daulat' itu. Tidak hairanlah selepas mempunyai ruang yang sesuai, Tan Sri A Samad pernah menulis dalam bukunya **'Payung Terkembang'** mengenai susur galur kerabat diraja Negeri Sembilan:

"...Jauh di sudut hati saya sudah sebak dengan pertanyaan, bagaimanakah rupa bentuk tanah nenek moyang yang sebenarnya? Selain dari itu keinginan saya kian meluap hendak melihat sendiri Pagarruyung yang menjulang asal usul raja-raja Negeri Sembilan itu.

"Di samping itu apa yang amat perlu saya selidiki ialah, apakah benar raja-raja Negeri Sembilan berasal dari Pagarruyung, atau sebaliknya dari negeri-negeri yang lain? Saya juga menyimpan keinginan untuk bertemu dengan dato'-dato' penghulu dan dato'-dato' lembaga di Minangkabau dalam usaha menyelidiki dengan lebih mendalam mengenai adat perpatih. Pemakaian adat perpatih di Minangkabau inilah yang dianuti dan masih dipegang kuat sebagai lanjutan pengaruh Minangkabau bagi masyarakat beradat di Negeri Sembilan.

"Hasrat yang bersemarak ini saya nyatakan kepada Bapak Major Handoro dalam perbualan seterusnya. Keesokannya saya dibawa ke Bukittinggi yang terletak dalam Luak Agam, kira-kira 92 km jauhnya dari Padang melalui Padang Panjang..."



Mengetuai perwakilan UMNO Negeri Sembilan dalam Mesyuarat Perwakilan, turut sama Dato' Rahmah Kassim, Taha Talib dan Ariffin Ali.



Dalam satu perjumpaan, turut dihadiri oleh (Tan Sri) Mubin Sheppard, BA terakhir Negeri Sembilan.

Kunjungan Tan Sri A Samad ke Sumatera Barat (Minangkabau) sekitar tahun 1960-an itu sebagai satu usaha beliau menelusuri keturunan kerabat diraja di Negeri Sembilan. Beliau menyedari kebanyakan kerabat diraja terbabit tidak pernah berusaha mencari asal usul mereka sebenarnya di Minangkabau, kecuali bersikap membanggakan sistem feudal semasa penjajahan Inggeris. Kunjungan yang dibuat oleh Tan Sri A Samad ke Minangkabau pada 1 Januari 1968 juga, sebagai titik tolak kepada hubungan seterusnya di antara Negeri Sembilan-Sumatera Barat di peringkat kerajaan negeri.

Tetapi dalam masa penjajah, Tan Sri A Samad melihat kebanyakan kerabat diraja yang bukan dalam lingkungan istana juga bersikap 'lebih sudu dari kuah'. Beliau berkawan baik dengan Tuanku Munawir, Tuanku Jaafar dan Tunku Abdullah (putera Yang di-Pertuan Besar ketika itu), sebaliknya kerabat diraja yang bukan dalam lingkungan istana ternyata memandang serong terhadapnya. Mereka menggunakan kedudukan Tunku Burhanuddin (Tunku Besar Seri Menanti, Almarhum, ayahanda mertua Yang di-Pertuan Besar sekarang - p) bagi membuat tekanan kepada kegiatan Tan Sri A Samad di dalam Umno.

Justeru emak Tan Sri A Samad juga digunakan mereka bagi memberi amaran kepada beliau kerana dianggap 'anti-raja'. Emak beliau yang tidak memahami helah mereka segera mengingatkan Tan Sri A Samad mengenai 'daulat' raja yang menimpa pegawai kulit putih itu. Bahana yang boleh menimpa seseorang ialah 'pengsan' tidak semena-mena akibat 'daulat' raja, malah kalau tidak mendapat pengampunan boleh membawa maut. Bagaimanapun Tan Sri A Samad tetap menerima nasihat emaknya, tetapi tidaklah dijadikan panduan sangat.

Sebelum itu kalangan kerabat diraja memberitahu emak beliau, dengan memberi gambaran Tan Sri A Samad dimurkai oleh Tunku Besar Burhanuddin. Memang Tan Sri A Samad sentiasa menghormati Tunku Besar Burhanuddin yang juga adinda Almarhum Tuanku Muhammad (Yang di-Pertuan Besar ke 8; 1888 - 1933), sebagai orang yang lebih tua, bukan kedudukannya seorang kerabat diraja. Ketika Tunku Besar Burhanuddin menjemput penduduk-penduduk kampung ke rumahnya setiap malam Jumaat mengadakan majlis membaca Yasin, Tan Sri A Samad tidak ikut serta.

Beliau mendapat maklumat, Tunku Besar Burhanuddin mengadakan majlis membaca Yasin itu bertujuan membolehkan beliau

menaiki takhta menjadi Yang di-Pertuan Besar. Disebabkan tujuan di sebalik majlis membaca Yasin diadakan itulah, Tan Sri A Samad keberatan untuk menyertai orang-orang kampung hadir ke rumah Tunku Besar Burhanuddin. Tidak lama selepas itu, Tunku Besar Burhanuddin menyuruh Tan Sri A Samad datang ke rumahnya melalui ‘buapak’ (pembesar adat di istana) bergelar Dato’ Dagang, yang juga bapa saudara Tan Sri A Samad.

Bagi menghormati jemputan orang yang lebih tua daripadanya, Tan Sri A Samad menuruti kemahuan bapa saudaranya Dato’ Dagang berkunjung ke rumah Tunku Besar Burhanuddin. Ketika sampai di rumah berkenaan, mereka berdua dipersilakan duduk di atas kerusi yang disediakan. Menurut peraturan di Seri Menanti ketika itu, apabila ‘orang bena’ (maksudnya rakyat jelata atau orang kebanyakan) berkunjung ke rumah kerabat diraja tidak boleh berjuntai kaki apabila duduk di kerusi. Mereka dikehendaki duduk bersila sama seperti ketika berada di lantai.

Tan Sri A Samad tidak menghiraukan larangan tersebut, sebaliknya beliau tetap berjuntai kaki seperti kebiasaan duduk di kerusi. Dato’ Dagang memberi isyarat supaya beliau duduk bersila di atas kerusi, kerana hanya kerabat diraja sahaja dibolehkan berjuntai kaki. Beliau menyedari bapa saudaranya Dato’ Dagang sudah memberi isyarat, tetapi Tan Sri A Samad enggan mematuhi. Menurut beliau, tidak ada sebab mahu duduk bersila di atas kerusi semata-mata mematuhi peraturan yang ditetapkan sendiri oleh kerabat diraja, sedangkan kunjungan beliau adalah atas jemputan Tunku Besar Burhanuddin sendiri.

Perbuatan Tan Sri A Samad ini dianggap ‘biadap’ oleh Tunku Besar Burhanuddin, tetapi beliau tidak menyalahkan Dato’ Dagang apabila gagal mengawalinya. Selepas kejadian itu, Tunku Besar Burhanuddin menemui ayah mertua Tan Sri A Samad dipanggil Khatib Hussein, kerana beliau seorang ‘khatib’ di masjid. Semasa bertemu Khatib Hussein tidak bertangguh Tunku Besar Burhanuddin mengingatkan dalam keadaan marah, “Jaga sikit menantu kau tu, Sin. Jangan biarkan dia tak beradat!”. Khatib Hussain tergamam apabila tiba-tiba sahaja dimarahi oleh Tunku Besar Burhandduin.

Disebabkan tersinggung dengan sikap Tunku Besar Burhanuddin terhadapnya lantas Khatib Hussain menyahut, “Dia dah besar engku, tahulah dia jaga dirinya sendiri. Kalau patik tak boleh

jaga dia, tolonglah engku sendiri tengokkan.” Jawapan sinis Khatib Hussain itu semakin menambahkan kemarahan Tunku Besar Burhanuddin, hingga dia mendengus sebelum bergegas meninggalkan tempat tersebut. Kisah Tunku Besar Burhanuddin marah ini disebarikan oleh kerabat diraja yang lain, dengan menggambarkan Tan Sri A Samad kena murka kerabat diraja berkenaan.

Secara tidak langsung ayah mertua Tan Sri A Samad juga memberi sokongan moral kepadanya, apabila pihak kerabat diraja terus menerus membuat tekanan terhadap beliau. Dalam era penjajah memang Tan Sri A Samad dapat merasakan jurang perbezaan di antara orang Melayu kalangan kerabat diraja dengan orang Melayu kelas bawahan bertingkat-tingkat. Ketika beliau memohon untuk dihantar belajar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dalam tahun 1930-an, kalangan kerabat diraja ini juga menghalang anak-anak kampung mendapat pendidikan tinggi.

Menjalin Hubungan Ke Sumatera

Disebabkan terkilan dengan sikap segelintir kerabat diraja terhadap penduduk sekitar kampung di Seri Menanti, hingga ketara jurang perbezaan taraf antara dua kelompok bangsa Melayu itu, menjadikan Tan Sri A Samad bertekad mencari susur galur keturunan ke Ranah Minang (Sumatera Barat). Apa lagi beliau menyedari keturunan nenek moyangnya berasal dari luak Tanah Datar iaitu daerah di Minangkabau terletakinya istana Pagarruyung. Dalam menelusuri salasilah keturunan ini, Tan Sri A Samad mendapati Seri Menanti adalah diteroka oleh nenek moyangnya yang berasal dari Tanah Datar.

Beliau menulis dalam buku **‘Takhta Kerajaan Negeri Sembilan’** (1960) mengenai penerokaan Seri Menanti menyatakan:

“...Tempat bernama Londar Naga itu sekarang ialah Kampung Galau kira-kira 5 kilometer dari Seri Menanti masuk jalan menghala ke Gunung Pasir. Kesan-kesan londar atau alur naga itu boleh dijumpai lagi hingga sekarang ini. Dato’ Raja adalah kerabat Dato’ Bendahara yang memerintah Sungai Tarap bergelar Penghulu Alam di bawah pemerintahan Yang di-Pertuan Sultan Minangkabau.

“Mereka adalah dari suku Batu Hampar dan kemudiannya membuka kampung yang diberi nama Sungai Layang. Nama ini kekal hingga sekarang. (Sungai Tarap terletak dalam luak Tanah Datar, manakala Batu Hampar terletak dalam luak Payakumbuh, keterangan ini adalah mengelirukan - p). Keturunan dari anak cucu Dato' Raja dan To' Seri inilah yang menyandang pesaka dua daripada empat 'Orang Empat Istana' di Seri Menanti hingga sekarang. Mereka ini bergelar Dato' Seri Amar Diraja dan Dato' Raja Dewangsa.

“Kemudian selang tidak berapa lama antaranya datang lagi satu kumpulan orang-orang Minangkabau juga yang diketuai oleh dua orang bersaudara dari suku Tanah Datar ke Seri Menanti. Seorang daripadanya bernama Sutan Sumanik dan seorang lagi bernama Johan Kebesaran. Mereka berdua ini ialah sanak saudara kepada Dato' Makhudum Sakti, orang besar di Minangkabau...”

Berdasarkan susur galur keturunan suku Tanah Datar inilah, Tan Sri A Samad merasakan tidak wajar jurang perbezaan taraf itu dijadikan ukuran, kerana peneroka asal di Seri Menanti adalah nenek moyang mereka dari keturunan Tanah Datar. Selepas dipilih semula menjadi ahli Exco, berikutan kemenangan dalam pilihanraya 1959, Tan Sri A Samad berhasrat mahu menjalinkan hubungan dengan pemerintahan negeri di Sumatera Barat atau dikenali sebagai Ranah Minang. Beliau dilantik memegang portfolio Hal Ehwal Agama, yang tidak mempunyai kaitan dengan tugas-tugas bagi mejalinkan hubungan itu.

Dalam tempoh negara baru sahaja lebih dua tahun mencapai kemerdekaan, tumpuan yang diberikan oleh kerajaan negeri ialah dalam bidang pendidikan dan pembangunan infrastruktur. Dengan memegang portfolio Hal Ehwal Agama Islam, Tan Sri A Samad merangka program meningkatkan pendidikan dalam bidang agama. Beliau memulakan inisiatif dalam mewujudkan Sekolah Agama Menengah Rendah, disetiap daerah bagi pelajar-pelajar Melayu Darjah 6 yang gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Ketika itu di Negeri Sembilan, Sekolah Menengah Melayu (kemudiannya dikenali Sekolah Menengah Kebangsaan) baru sahaja diwujudkan awal tahun 1959.

Hasrat beliau mahu menjalin hubungan dengan pemerintahan negeri di Sumatera Barat terpaksa dipendam di hati, dalam masa tumpuan perlu diberikan kepada pengisian makna kemerdekaan. Sehingga tahun 1963 hasrat beliau terus berkecai, apabila kerajaan Pusat Indonesia melancarkan konfrantasi terhadap negara ini, berikutan dengan langkah Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia iaitu pergabungan negara-negara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Konfrantasi yang dilancarkan oleh Presiden Sukarno itu berakhir dengan kejatuhan pemimpin itu dalam tahun 1965.

Selepas pilihanraya 1964, Tan Sri A Samad dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar di samping terus memegang portfolio Hal Ehwal Agama Islam. Bukanlah mudah pula bagi beliau mahu mengatur program untuk merapatkan jalinan hubungan dengan Sumatera Barat. Catatan beliau dalam buku 'Payung Berkembang' mengakui usahanya berhadapan dengan banyak rintangan. Beliau menulis:

"...Demikian sukarnya memenuhi azam tersebut, sehinggalah pada 1 Januari 1968 cita-cita saya ini baru dapat dipenuhi.

"Bersama tiga orang lagi rakan iaitu Datuk Penghulu Zainal Abidin bin Lati, Nawawi bin Indek dan Abu Samah bin Kasah kami telah menjejakkan kaki di Lapangan Terbang Tabin di Padang, buat pertama kalinya 'datang merendah diri, berkecek berhiba hati' ke bumi nenek moyang. Pemergian saya ke bumi Minangkabau dalam tahun 1968 itu adalah atas daya usaha seorang teman berasal dari Padang, Syeikh Muhammad bin Syeikh Hussain yang lebih dikenali dengan nama Ahmad Padang.

"Melalui beliaulah hubungan dibuat dengan keluarganya bagi memudahkan perjalanan saya dan teman-teman. Ahmad Padang telah menghubungi abangnya bernama Ali dan seorang pegawai tentera berpangkat major, bernama Major Handoro. Ketika itu saya belum mengenali seorang pun pegawai-pegawai pemerintah di sana, apatah lagi Gabenor Sumatera Barat sebagai tempat tumpuan 'meminta pada yang ada, mengadu pada yang kasih'. Jika tidak ada kerjasama yang diberikan oleh Encik Ali dan rakan-rakannya, sudah tentulah saya terpaksa berikhtiar sendiri..."

Tidak dapat dinafikan hubungan kerjasama di antara kerajaan negeri Negeri Sembilan dengan pemerintah di Sumatera Barat adalah dirintis oleh Tan Sri A Samad. Melalui usaha yang telah beliau rintis inilah kemudiannya lawatan peringkat kerajaan dibuat, di samping Yang di-Pertuan Besar sendiri membuat kunjungan ke istana Pagarruyung dalam tahun 1990-an. Undang Yang Empat juga mengadakan lawatan ke Ranah Minang, diikuti oleh dato'-dato' lembaga sama ada secara peribadi mahu pun berkumpul.

Semua kunjungan tersebut dibuat selepas dekad 1980-an, kerana sebelumnya tidak seorang pun pemuka-pemuka adat di Negeri Sembilan menjejakkan kaki ke Ranah Minang. Apatah lagi segelintir kerabat diraja yang berbangga dengan susur galur keturunan mereka berasal dari Pagarruyung, tetapi tidak pernah melihat tanah leluhur nenek moyang mereka semenjak kedatangan Raja Melewar dalam tahun 1773. Masyarakat di Ranah Minang sendiri begitu mengenali Tan Sri A Samad dibandingkan dengan lain-lain pemimpin di peringkat negeri di Negeri Sembilan.

Sebagai penghargaan kepada Tan Sri A Samad, masyarakat di Ranah Minang mengabadikan serangkap pantun beliau di sebuah hotel penginapan di Danau Maninjau bersama dengan serangkap pantun Presiden Sukarno. Pada 7 September 1989 pula beliau mendapat anugerah adat tertinggi di Minangkabau oleh pemerintah Sumatera Barat dan Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM) yang membawa gelaran 'Dato' Tan Patih Johan Pahlawan'. Anugerah tersebut disampaikan oleh Gabenor Sumatera Barat ketika itu, Dato' Drs H. Hassan Basri Durin yang juga ketua LKAAM.

Drs Hassan Basri merupakan rakan akrab Tan Sri A Samad, sekali pun setelah beliau bersara dari jawatan menteri. Malah beberapa orang rakan di Bukittinggi menjadikan bahan ketawa, apabila mereka di Sumatera Barat yang mahu berurusan dengan kantor gabenor terpaksa meminta jasa baik Tan Sri A Samad. Seorang kawan yang dikenali Bapak Ben Sukma ahli perniagaan di sini menggunakan jasa baik Tan Sri A Samad dalam usahanya mendapatkan sokongan gabenor untuk projek wisata di Bukit Tinggi.

Hubungan akrab Tan Sri A Samad bukan sahaja dengan peringkat atasan pemerintah, beliau juga mempunyai ramai kawan dari masyarakat Mianangkabau sama ada di Sumatera Barat mahu pun di Jakarta. Dalam satu kunjungan ke Pekanbaru sekitar tahun 1990-an

misalnya, Tan Sri A Samad menginap di sebuah hotel beberapa hari, ketika membuat kaji selidik bersama dua orang ahli Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan ke istana kerajaan Siak Inderapura.

Sewaktu mahu membayar bil penginapan di hotel, pengurusnya memberitahu semua perbelanjaan sudah dibereskan dari Jakarta. Rupanya rakan Tan Sri A Samad seorang ahli perniagaan Minangkabau yang menetap di Jakarta bernama Bapak Anwar Shukor membayar semua bil. Beliau juga menghantar dua buah kereta bersama pemandunya sekali bagi kemudahan Tan Sri A Samad bersama rakan-rakannya membuat perjalanan semasa berada di Pekanbaru. Kadangkala sekiranya Bapak Anwar Shukor mendapat tahu Tan Sri A Samad berkunjung ke Ranah Minang, beliau akan terbang dari Jakarta semata-mata mahu menemankan Tan Sri A Samad. Semua ini menggambarkan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat dan di Jakarta begitu menghormati beliau. Sebelum rupiah Indonesia jatuh merudum dalam kegawatan ekonomi pada 1998, Bapak Anwar Shukor merupakan salah seorang pemilik bank di Indonesia iaitu Bank Andeko.